

# Badan khas selesai masalah disiplin

## Jawatankuasa permuafakatan bendung masalah pelajar, guru dengan cepat

B.H 29/10/08 M/S 42

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad

krull@bharian.com.my

**K**OTA BHARU: Semua Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) diminta membentuk satu jawatankuasa permuafakatan bagi membolehkan masalah yang membabitkan disiplin pelajar serta guru dapat dibendung dengan cepat.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Razali Ismail, berkata walaupun peratusan pelajar yang berdepan dengan masalah disiplin kini 2.03 peratus, menurun berbanding tahun lalu, penubuhan jawatankuasa itu mampu mencapai matlamat sifar masalah disiplin nanti.

Beliau yang juga Pengerusi

Jawatankuasa Menghadapi Masalah Gejala Disiplin Sekolah berkata, jawatankuasa berkenaan akan membabitkan pelbagai pihak antaranya jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung (JKKK) selain pasukan keselamatan lain seperti polis.

“Walaupun tahap masalah disiplin pelajar kini menurun iaitu pada tahap 2.03 peratus, saya menggesa PPD menubuhkan jawatankuasa permuafakatan masing-masing bagi membendung masalah berkenaan selain bertindak memantau kebajikan tenaga pengajar di negara ini.

“Melalui penubuhan jawatankuasa ini, Kementerian Pelajaran berharap dapat menyelesaikan banyak masalah berkaitan disiplin pelajar

serta guru dengan pantas sekali gus mencapai matlamat sifar masalah disiplin,” katanya.

Beliau memberitahu pem-



*Dalam jawatankuasa itu juga akan mempunyai pasukan bertindak pantas yang mampu menyalurkan maklumat berkaitan masalah disiplin dengan cepat”*

**Razali Ismail**  
Timbalan Menteri Pelajaran

berita selepas menyampaikan syarahan perdana sempena lawatannya ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Zainab 1, di sini, semalam. Hadir sama Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Kelantan, Ghazali Abdul Rahman dan Pengetua sekolah berkenaan, Wan Jah Wan Yaacob.

Razali berkata, jawatankuasa berkenaan akan dipengerusikan jemaah nazir sekolah di PPD terbabit dan akan bertindak menerima segala laporan berkaitan dengan disiplin pelajar serta guru sebelum menyerahkan kepada beliau untuk tindakan seterusnya.

“Dalam jawatankuasa itu juga akan mempunyai pasukan bertindak pantas yang

mampu menyalurkan maklumat berkaitan masalah disiplin dengan cepat kepada saya dan sekali gus ia akan ditangani dengan sebaik mungkin,” katanya.

Beliau berkata, masalah disiplin pelajar tidak boleh ditangani sepenuhnya guru, malah ia memerlukan permuafakatan ibu bapa memandangkan mereka menjadi titik tolak kepada bermulanya masalah disiplin pelajar berkenaan.

“Selain masalah pelajar, guru juga ada terbabit dengan masalah disiplin. Hendak dikatakan tidak serius, tidak juga, namun ia di bawah kawalan dan berharap melalui jawatankuasa permuafakatan ini, masalah berkenaan mampu diatasi,” katanya.